

**Kertas Kabinet Mengenai Akses Media Untuk Parti Politik Siap – Rais
Bernama
22 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah menyediakan kertas kabinet berhubung permintaan mendapatkan akses sama rata terhadap media bagi parti-parti politik yang mahu membentangkan manifesto pilihan raya mereka kepada orang ramai.

Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata dokumen itu disediakan berikutan permintaan yang diterima kementerian.

"Tapi perlu ada peringatan. Pendedahan manifesto harus terhad dari segi masa dan mesti mengikut peraturan yang sedia ada di kementerian.

"Ia bukan sesuatu yang bebas untuk semua. Ia harus berasaskan nilai berita setiap kenyataan. Bagi manifesto, kami telah menggariskan asas sama rata bagi semua parti, termasuk Barisan Nasional," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar pemikiran perdana menteri di sini Selasa.

Rais berkata kementerian itu berharap dapat membincangkan perkara ini dengan pelbagai parti "yang merasakan kami patut memperbaiki aspek pembentangan."

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667823>